

28/05/2002

Pembohongan CNN bukan lagi keraguan

SEKEMBALI ke tanah air daripada lawatan ke Washington, 17 Mei lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas stesen televisyen CNN yang bukan saja tidak memberinya peluang membuat penjelasan mengenai pelbagai isu penting, malah membuat kenyataan dan tanggapan mereka sendiri. Sekalipun undangan datangnya daripada CNN untuk temuramah eksklusif itu, Perdana Menteri diberi gambaran seolah-olah menyetujui pendapat dan hujah pengacara rancangan berkenaan, Zain Verjee, mengenai sesuatu perkara tetapi disusuli soalan yang tiada kaitan. Hakikat bahawa majoriti Ahli Kongres dan pentadbir di Capitol Hill turut menempelak gaya CNN menemuramah Dr Mahathir seperti dilaporkan laman web Umno-Online, mengesahkan kebenaran perkara itu. Sebelum ini, pemimpin Palestin, Yasser Arafat, pernah membentak agar diberi peluang membuat penjelasan dalam satu temubual, juga oleh CNN.

Tujuan CNN tidak lain menimbulkan salah faham dunia kononnya Malaysia tidak mengamalkan demokrasi sepenuhnya dan mengaitkan negara ini dengan pengganas. Pemimpin negara membangun yang lantang bersuara terhadap Amerika Syarikat adalah antara sasarannya untuk diperlekeh. Ke arah itu, CNN tergamak berbohong dan memutarbelitkan fakta yang sekadar menyerlahkan stesen televisyen itu sebenarnya tidak profesional, tidak beretika dan tidak adil. Seharusnya apa juga permintaan mereka untuk wawancara pada masa depan tidak dilayan selagi CNN tidak berhenti daripada melakukan pembohongan. Barangkali Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, harus menimbangkan semula iklan promosi Malaysia menerusi CNN yang banyak memberikan negara ini gambaran berlawanan.

(END)